

PROSES PERKEMBANGAN KESUSASTERAAN INDIA DI NUSANTARA DAN PENGARUHNYA DALAM KESUSASTERAAN MELAYU KLASIK

ISMAIL HAMID
Universiti Kebangsaan Malaysia

Perhubungan antara India dan Nusantara telah berlaku kira-kira pada awal kurun Masihi. Kiraan ini berdasarkan kepada beberapa keterangan tentang adanya hubungan antara India dan Tenggara Asia seperti yang disebutkan oleh karya-karya kesusasteraan Klasik India. Misalnya cerita-cerita Jataka yang dituliskan pada awal kurun Masihi telah memberi gambaran tentang hubungan antara India dengan Nusantara. Beberapa nama yang disebutkan dalam karya-karya klasik India itu dimaksudkan sebagai nama tempat-tempat di Nusantara. Hikayat Ramayana ada menyebut suatu tempat bernama Suvaranadvipa (Pulau Emas atau Semenanjung). Para sarjana berpendapat bahawa tempat yang tersebut sebagai Semenanjung Malaysia. Nama-nama lain yang dimaksudkan sebagai Nusantara yang disebutkan dalam karya-karya klasik India ialah seperti Suvarabhumi, Yavadvipa, Dvipantara dan lain-lain. Menurut S. Levi bahawa Dvipantara merupakan sebagai salah satu istilah Sanskrit bagi Malaysia.¹

Di samping itu penemuan-penemuan arkeologi juga menunjukkan pengaruh Hindu sudah wujud di Malaysia pada awal kurun Masihi. Misalnya penemuan batu-batu bertulis dengan bahasa Sanskrit di Cherok Tokkun, Seberang Perai dan Bukit Meriam, Kedah bertarikh pada abad keempat Masihi.² Sementara itu penemuan arkeologi yang terawal di Jawa ialah di kaki sebuah Gunung di Bogor dalam bentuk batu bertulis bertarikh 450 T.M.³

Fa Hien dalam perjalanan pulang dari India ke negeri China telah mendapati bahawa kebudayaan Hindu sudah bertapak di Sumatera di awal kurun kelima Masihi.⁴ I-Ching yang pernah tinggal di Palembang telah melaporkan tentang kedudukan kebudayaan Hindu Buddha di Ibu negeri Seriwijaya itu di abad ke-7.⁵ Di Jawa beberapa kerajaan Jawa-Hindu muncul dalam masa yang berikutan seperti kerajaan Mataram, Sailendra, Singhasari dan Majapahit. Kesan kebudayaan Hindu-Buddha di Pulau Jawa masih signifikan dengan candi-candinya seperti di Borobudur, Kalasan, Mendut dan lain-lain.

Perhubungan antara Nusantara dengan India pada mulanya melalui hubungan perdagangan dan diikuti pula dengan hubungan kebudayaan. Beberapa teori dikemukakan tentang kedatangan pengaruh Hindu ke Nusantara. Menurut Krom pedagang-pedagang yang datang ke Nusantara terdiri daripada golongan Vaisya. Golongan inilah yang berusaha menyebarkan kebudayaan Hindu. C.C. Berg berpendapat kebudayaan Hindu diperkenalkan ke daerah ini oleh pahlawan-pahlawan India yang berhijrah ke Nusantara. Mereka telah berkahwin dengan wanita-wanita tempatan dan melahirkan golongan keraton. Van Leur pula menolak teori-teo

kekawin dalam kesusasteraan Jawa tengahan dipanggil kidung. Ditinjau dari sudut isinya karya-karya kesusasteraan Jawa kuno pengaruh Hindu itu dapat dibahagikan kepada beberapa tajuk yang tertentu: (1) Mantra dan kalpasastra, iaitu tulisan-tulisan yang dianggap sebagai kitab suci agama.¹⁵ (2) Agama ialah karya-karya yang membawa tema keagamaan. (3) Variga ialah karya-karya yang membawa ajaran moral dan bercorak didaktik. (4) Cerita-cerita yang mengandungi ansur-unsur agama (5) Cerita-cerita dongeng dan kesusasteraan rakyat (6) Itihasa iaitu *parvas* (prosa) dan *kekawin* (puisi) yang menggunakan meter puisi Sanskrit. (7) Babad iaitu karya sastera sejarah seperti Nagarakartagama dan lain-lain. (8) Tan ialah cerita-cerita dongeng yang bersumber dari Sanskrit dan karya penulis tempatan.¹⁷

Warisan kesusasteraan Hindu-Jawa yang masih tersimpan hingga dewasa ini dapat diperturunkan antaranya seperti berikut: berupa tulisan yang mengandungi nyanyian-nyanyian suci untuk para dewa seperti nyanyian-nyanyian untuk dewa-dewa Surya, Sri, Sarasvati, Vayu, Ya Indrani, Agni, Rati, Varuna dan lain-lain. Hasil kesusasteraan dianggap oleh penganut agama Hindu sebagai kitab suci mereka. Sementara itu terdapat pula Mantra khusus untuk agama Buddha, di samping jampi serapah untuk tujuan perubatan dan lain-lain. Sebahagian dari Mantra dan jampi itu tersebar luas di daerah-daerah Nusantara. Puranas ialah hasil kesusasteraan yang mengandungi cerita-cerita dahulu kala seperti Brahmandapurana.¹⁸ Tattva Savang Suvung, sebuah karya yang membicarakan tentang kosmologi, mengandungi cerita-cerita kejadian dewa-dewa, cakerwala dan manusia. Tantu Panggelaran sebuah lagi karya dalam jenis ini yang membicarakan tentang kepercayaan agama Hindu, tetapi isinya bercampur antara kepercayaan Hindu yang sebenarnya dengan unsur-unsur kepercayaan peribumi yang bercorak animisme. Karya-karya lain ialah seperti Manik Maya, Adipura dan Agastyaparva.¹⁹

Tantra Bajaradhuti Subhuti ialah kitab yang membicarakan unsur-unsur kepercayaan agama Tantra, satu cabang agama Buddha dalam zaman Empu Sidok. Tuttur ialah tulisan yang menerangkan tentang falsafah agama Hindu untuk mencapai moksha.²⁰ Salah satu judul karya jenis ini ialah Sang Hyang Kamahayanikan.²¹ Sastera ialah karya yang membicarakan tentang undang-undang, kewajipan manusia kepada para dewa dan ditambah dengan cerita-cerita yang menerangkan asal usul sesuatu undang-undang itu atau sebab-sebab ia digubalkan. Kitab-kitab sastera pada permulaannya menurut bentuk asalnya seperti dalam bahasa Sanskrit, tetapi karya-karya yang terkemudian dalam bahasa Jawa kuno sudah dimasuki unsur-unsur tempatan.²²

Karya-karya babad ialah seperti Pararaton yang merupakan sebuah karya sastera sejarah yang membicarakan tentang Ken Arok, tetapi bercampur dengan unsur-unsur metos. Pamancangah sebuah lagi karya sastera sejarah mengenai raja Bali yang bernama Gelgel. Usaha Jawa ialah karya sastera sejarah yang penuh dengan cerita dongeng tentang raja-raja Bali dan hubungannya dengan raja Majapahit. Negarakertagama ialah karya sejarah yang dikarang oleh Prapanca pada tahun 1365 Masihi. Tujuannya ialah untuk memuji Raja Hayam Wuruk kerana Prapanca seorang pujangga keraton. Buku ini membuat huraian tentang Majapahit dan jajahan taklukannya, perjalanan Raja Hayam Wuruk ke sebahagian besar daerah-

daerahnya di Jawa Timur juga tentang pentadbiran dan keagamaan dalam masa pemerintahan raja itu.²³

Karya-karya kesusasteraan Hindu-Jawa yang bercorak wiracarita adalah seperti berikut: *Arjunawiwaha*, karangan Mpu Kenwa ditulis dalam zaman Kadiri dalam bentuk kekawin. Isinya meriwayatkan Arjuna yang bertapa untuk mendapat senjata bagi melawan kaum Kaurawa. Ia juga mengisahkan tentang Arjuna yang berjaya mengalahkan raksasa yang menyerang kayangan. Sebagai balasannya Arjuna menikmati hidup bahagia di Indraloka. *Krishnayana* karangan Mpu Triguna yang mengisahkan Krishna yang suka menolong orang dan mempunyai kekuatan sakti. Karangan ini diakhiri dengan perkahwinan antara Krishna dengan Rukmini. *Sumanasantaka* karangan Mpu Monangana menceritakan tentang bidadari Harini yang kena kutuk, lalu menjelma menjadi seorang puteri dan berkahwin dengan seorang raja. Setelah habis waktu kutukannya maka ia kembali ke kayangan. *Bharatayuddha*²⁴ ialah karangan Mpu Sedah dan Mpu Panuluh pada tahun 1157 Masihi. Isi ceritanya mengenai peperangan antara Pandawa dengan Kaurawa. *Gatotkacacraya* ialah karangan Mpu Penuluh yang mengisahkan perkahwinan antara Abimanyu dengan Siti Sundhari. *Wrttasancaya* ialah karangan Mpu Tanakung yang merupakan sebagai bimbingan untuk menyelami puisi Jawa kuno. Isinya mengandungi 94 macam puisi yang digubah dalam bentuk cerita. *Suntasoma* karangan Mpu Tantula mengisahkan tentang seorang raja yang meninggalkan urusan keduniaan kerana taat kepada agama Buddha. Ia menghabiskan masa hidupnya untuk berbuat baik; kerana sikapnya itu seorang raksasa yang biasa memakan manusia tertarik hati dan menjadi pengikutnya. *Bubhuksah* mengandungi cerita dua orang bersaudara, Bubhuksah dan Gagan Aking yang bertapa untuk mencari kesempurnaan. Gagang Aking hanya memakan tumbuh-tumbuhan, sedangkan, Bubhuksah memakan segala apa yang didapati. Betara Guru mengirim utusannya dalam bentuk harimau putih yang ingin memakan daging manusia. Gangang Aking menasihati harimau itu agar jangan memakannya dengan alasan bahawa ia kurus kering. Sebaliknya Bubhuksah bersedia menghadapi maut. Akhirnya Bubhuksah dibawa ke syurga dan diberi kedudukan yang baik, sedang Gagang Aking terpaksa berjalan kaki untuk sampai ke Syurga. *Smaradahana* ialah karangan Mpu Dharmaja; yang menjadi pokok ceritanya tentang kehilangan Rama dan Rati dari kayangan yang terbakar oleh sinar mata dewa Siva, kemudian mereka mengembara di atas dunia dan menjadi penggoda kepada manusia.²⁵

Akhir sekali karya-karya *masterpiece* dari India ialah Mahabharata dan Ramayana merupakan karya yang sangat popular di Nusantara khasnya dan di Asia amnya. Kedua-dua karya di atas telah banyak mempengaruhi penulisan cereka-cereka lain dalam bahasa Jawa yang ditulis oleh pujangga tempatan. Misalnya Hikayat Mahabharata melahirkan cerita-cerita wira yang lain dalam bahasa Jawa seperti Bhomakavya, Ghatotkacaria Arjunawiwaha, Bharatayuddha, Korawacrama dan lain-lain. Dari Hikayat Ramayana lahirlah karya-karya yang berjudul seperti Serat Rama, Uttaraka Rama Kling, Serat Kanda, Ramayanan Sasak, Rama Nitis dan lain-lain.

Sementara itu Poerbatjaraka seorang sarjana Jawa Kuno telah menulis tentang sejarah kesusasteraan Jawa. Beliau telah membuat pembahagian warisan kesusasteraan Jawa pengaruh Hindu sebelum zaman Islam kepada lima bahagian. Bahagian pertama mengandungi karya-karya kesusasteraan Jawa Kuno golongan tua iaitu; Kitab Canda Kirana, Kitab Ramayana, Sang Hyang Kamahayahika, Brahmandapurana, Agastyaparwa, Utaraka, Adiparwa, Sabhaparwa, Wirataparwa, Ud-jogaparwa, Hiismaparwa, Asramawasanaparwa, Mosalaparwa, Prasthanikaparwa, Swargarohana-parwa dan Kunjarakarna. Bahagian kedua terdiri daripada karya-karya kesusasteraan Jawa Kuno yang bertembang, iaitu berbentuk puisi: Kekawin Arjunawiwaha, Kekawin Krishnayana, Kekawin Sumanasantaka, Kekawin Smaradahana, Kekawin Bhomakawa, Kekawin Bharatayuddha, Kekawin Hariwangsa, Kekawin Gatotkacasraya, Kekawin Wrettasancaya dan Kekawin Lubdhaka. Bahagian ketiga mengandungi karya-karya kesusasteraan Jawa kuno yang tergolong baru seperti Kekawin Brahmandapurana, Kekawin Kunjarakarna, Kekawin Nagarakretagama, Kekawin Arjunawijaya, Kekawin Sutasoma atau Purusada-santa, Kekawin Parthayadnya, Kekawin Nitisastra, Kekawin Nirarthaprakreta, Kekawin Dharmacunya dan Kekawin Haricraya. Bahagian keempat ialah karya-karya yang tertulis dalam bahasa Jawa Tengahan seperti Tantu Panggelaran, Calon-arang, Tantri Kamandaka, Korawacrama dan Kitab Parraaton. Bahagian kelima ialah dalam bentuk puisi bahasa Jawa Tengahan seperti Kekawin Dewa Ruci, Sudamala, Kidung Subrata, Panji Angreni dan Sri Tanjung.²⁷

KEKAWIN DAN KIDUNG

Dalam kesusasteraan Jawa Kuno kekawin bererti seperti kavya dalam bahasa Sanskrit. Kedua kata-kata kekawin dan kavya itu berasal dari kavi yang bererti penyair. Dengan demikian dapat dikatakan bahawa kekawin adalah saduran daripada kavya. Di India kesusasteraan kavya berkembang dalam beberapa abad pertama tahun Masihi dan penyair kavya yang terkenal ialah Kalidasa. Apabila kebudayaan Hindu bertapak di Nusantara, maka bentuk puisi seperti kavya dari India itu turut berkembang dan menjadi popular dalam kesusasteraan Hindu-Jawa. Bentuk puisi ini dipanggil kekawin dalam bahasa Jawa Kuno. Kekawin yang sangat baik mutunya dalam kesusasteraan Jawa Kuno antaranya ialah Kekawin Arjunawiwaha.²⁸

Kesusasteraan kekawin mencapai puncak kemajuannya dalam kerajaan Kadiri. Kemudian bertambah lama kekawin kehilangan popularitinya dan tidak lagi mendapat sambutan ramai. Bentuk puisi yang bernafas peribumi mulai muncul dan menarik perhatian ramai. Bentuk puisi yang baru itu dikenali dengan panggilan kidung; antara puisi jenis ini ialah seperti Kidung Wukir Polaman dikarang oleh Jayakatwang pada tahun 1293. Sebab berlaku perubahan yang tersebut ialah kerana pada mulanya pujangga-pujangga di keraton lebih berminat dengan puisi dari India maka dengan dorongan dari penulis-penulis istana itu maka bantuk sastera dari India menjadi popular. Setelah sikap itu berubah maka puisi kidung berkembang dan diminati ramai terutama puisi kidung itu lebih bersesuaian dengan bahasa Jawa Kuno yang tidak mementingkan panjang pendek suku katanya, sedang bentuk kekawin lebih sesuai dengan bahasa Sanskrit.²⁹

PENGARUH KESUSASTERAAN INDIA
DALAM KESUSASTERAAN MELAYU

Dari tulisan yang telah ditemui di batu-batu bertulis menunjukkan bahawa bahasa Melayu sudah digunakan sejak seribu lima ratus tahun yang lampau. Misalnya batu bersurat yang mengandungi catatan dalam bahasa Melayu ditemui di Kedukan Bukit, Palembang bertarikh tahun 683 Masihi. Sebelum datangnya pengaruh Hindu orang Melayu sudah mempunyai bahasanya sendiri, iaitu bahasa Melayu Kuno dengan abjadnya yang dipanggil Kawi, Rencong dan Lampung.³⁰

Kerajaan Srivijaya yang meningkat maju kira-kira di abad ketujuh telah menjadikan kerajaan Melayu sebagai sebahagian daripada empayarnya selama tempoh lima ratus tahun. Jajahan takluknya dari Sumatera hingga ke Tanah Melayu. Marco Polo (1292 T.M.) dalam pelayarannya telah melaporkan tentang kerajaan Melayu (Srivijaya) yang mempunyai bahasanya sendiri, iaitu bahasa Melayu.³¹ Di samping itu terdapat bukti yang menunjukkan bahasa Sanskrit memainkan peranan yang penting bersama-sama bahasa Melayu dalam pentadbiran Kerajaan Srivijaya. Ini didasarkan kepada peninggalan-peninggalan dari kerajaan yang tersebut yang menggunakan kedua-dua bahasa di atas.³²

Tidak banyak bukti bertulis tentang perkembangan kesusasteraan Melayu sebelum abad kelima belas.³³ Tetapi sebelum tarikh yang tersebut bahasa Melayu juga menghadapi proses pertumbuhan terutama melalui pertembungan dengan bahasa Sanskrit, maka sudah tentu berlaku pinjam meminjam daripada bahasa tersebut. Tetapi dalam bidang kesusasteraan tidak banyak catatan tentang perkembangan kesusasteraan Melayu yang bertulis sebelum abad kelima belas.³⁴ Kesusasteraan Melayu yang wujud sebelum tarikh yang tersebut hanya bercorak sastera lisan.³⁵ Selepas abad kelima belas barulah mulai perkembangan kesusasteraan bercorak tulisan dengan menggunakan huruf al-Qur'an sebagai abjadnya. Tegasnya selepas kedatangan Islam satu revolusi berlaku dalam perkembangan bahasa dan kesusasteraan Melayu. Menurut Syed Muhammad Naguib al-Attas pengembang-pengembang Islam yang datang ke daerah kepulauan Melayu sengaja memilih bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya. Sejak itu bahasa dan kesusasteraan Melayu menghadapi pertumbuhan yang dinamik melalui pengaruh kebudayaan Islam yang memberi keutamaan budaya dan sastera. Bahasa Melayu yang memainkan peranan sebagai bahasa persatuan menggunakan satu tulisan yang sama, iaitu tulisan jawi.³⁶ Dalam zaman Islam bahasa Melayu memainkan peranan penting sebagai bahasa perhubungan dan juga bahasa pengetahuan dengan meluas di daerah-daerah Nusantara. Ini terbukti dengan terdapat naskhah 'Kitab Seribu Masalah' di Ambon pada tahun 1726. Dengan bukti di atas menunjukkan proses pembelajaran di daerah-daerah yang jauh dari pusat bahasa Melayu dijalankan dalam bahasa yang tersebut, sedang pada masa yang lalu proses yang tersebut dilakukan melalui bahasa Sanskrit atau Jawa Kuno.

Selepas tahun 1500, iaitu zaman Islam, perkembangan ilmu pengetahuan telah meningkat maju. Pusat-pusat kebudayaan Melayu-Islam bermula di Pasai, Melaka, Aceh, Patani dan lain-lain mengambil peranan penting dalam menggalak perkembangan ilmu pengetahuan dan kesusasteraan Melayu. Kitab-kitab ilmu pengetahuan

seperti falsafah, teologi, undang-undang dan karya-karya kesusasteraan Melayu telah dihasilkan daripada pusat-pusat yang tersebut. Misalnya Hikayat Raja-raja Pasai telah dikarang pada tahun 1536 Masihi, Taj as Salatin dituliskan pada tahun 1603 Masihi dan Bustan as Salatin dituliskan pada tahun 1638 Masihi. Hikayat yang bercorak legenda seperti Hikayat Iskandar Zul Karnain dan Muhammad Ali Hanafiah sudah dapat dibaca di abad kelima belas kerana di waktu pelanggaran Portugis di Melaka pada tahun 1511 Masihi, hikayat-hikayat yang tersebut telah dibaca oleh pahlawan-pahlawan Melayu pada malam hari untuk membangkit semangat perjuangan mereka seperti yang dilaporkan oleh Sejarah Melayu.

Pengaruh kesusasteraan India dalam kesusasteraan Melayu lama tidak berlaku secara langsung daripada kesusasteraan Sanskrit dalam zaman Hindu, tetapi proses ini berlaku melalui pihak yang kedua dalam zaman Islam. Sumber-sumber kesusasteraan pengaruh Hindu itu datang dari kesusasteraan Jawa atau dari Arab-Parsi. Selepas tahun 1500, iaitu dalam zaman Islam minat kepada ilmu pengetahuan dan bahan bacaan menyebabkan penulis-penulis Melayu menyalin hasil kesusasteraan dari bahasa Jawa dan lain-lain ke dalam bahasa Melayu mengikut langkah orang-orang Islam di Asia Barat yang menyalin kitab-kitab ilmu pengetahuan dari berbagai bahasa. Orang-orang Islam di Asia Barat yang gemar kepada ilmu pengetahuan telah berusaha menyalin buku-buku dari bahasa Asing seperti dari Greek, Syria, Parsi dan Sanskrit ke dalam bahasa Arab sejak abad ketujuh Masihi lagi. Seperti halnya dengan orang-orang di Asia Barat, maka penulis-penulis Melayu Muslim berusaha menyalin karya-karya kesusasteraan pengaruh Hindu dari bahasa Jawa dan dimasuki dengan unsur-unsur Islam untuk disesuaikan dengan kepercayaan orang ramai dalam zaman Islam. Misalnya karya kesusasteraan pengaruh Hindu Serat Aji Saka Angajawi telah diubahsuaikan dengan kepercayaan Islam dengan menceritakan bahawa seorang raja bernama Aji Saka yang menjadi pengikut Nabi Muhammad datang dari Mekah ke Pulau Jawa Untuk menyebarkan agama Islam. Raja yang tersebut menulis kitab-kitab Arjunawiwana, Ramadeva, Dasanama, Bismasuci, Panitisastra dan Candrageni.³⁷

Epik India yang terbesar Ramayana disalinkan ke dalam bahasa Melayu dari bahasa Jawa Kuno. Hikayat ini telah diislamkan oleh penyalin dengan menokok tambah peristiwa yang bercorak keislaman. Misalnya dalam hikayat tersebut menceritakan Nabi Adam diturunkan dari syurga dan berjalan-jalan di muka bumi, tiba-tiba ia bertemu dengan Ravana sedang bertapa. Ravana mendesak Nabi Adam supaya mendoa kepada Allah untuk beliau memperoleh kerajaan di dunia. Berkat doa dari Nabi Adam Ravana berjaya mencapai cita-citanya.³⁸ Selain daripada itu konsep tentang Allah, dan takdir Allah sebagai Tuhan Yang Maha Esa mengambil tempat Brahman dalam agama Hindu telah diperkenalkan dalam kesusasteraan saduran India.

Hikayat-hikayat pengaruh India yang disalin ke dalam bahasa Melayu dari bahasa Jawa juga diubah judulnya untuk disesuaikan dengan semangat keislaman di samping memasukkan konsep-konsep Islam. Misalnya Hikayat Marakarma diberi judul Hikayat Si Miskin, Hikayat Serangga Bayu dikenali dengan Hikayat Ahmad

Muhammad, Hikayat Indra Jaya atau Bikrama Datia Jaya dipanggil Syahi Mardan. Antara hikayat-hikayat pengaruh Hindu yang lain yang disalin dari bahasa Jawa ialah seperti Bhomakavya dipanggil Hikayat Sang Boma; Ghatotjacacrata dan Arjunawiwaha menjadi Hikayat Pandawa Lima atau Hikayat Panca Kelima dan Bharatayuddha menjadi Hikayat Perang Pandawa Jaya dan lain-lain lagi.³⁹ Di samping itu puisi Kidung dalam kesusasteraan Jawa juga telah mempengaruhi kesusasteraan Melayu lama seperti Ken Tambuhan, Panji Semirang, Lelakon Mesa Kumitir, Cerita wayang Kinodang, Sorat Gambuh dan lain-lain.⁴⁰

Sementara itu pengaruh kesusasteraan India tidak sahaja masuk dalam kesusasteraan Melayu melalui kesusasteraan Jawa, tetapi ia juga datang melalui saluran kesusasteraan Arab-Parsi. Seperti telah diperkatakan dalam esei ini di atas bahawa apabila Islam bertapak keluar di Asia Barat, penganut-penganutnya telah tertanam perasaan cinta kepada ilmu pengetahuan.⁴¹ Oleh itu mereka berusaha menyalin buku-buku bahasa asing ke dalam bahasa Arab termasuk buku-buku dari bahasa Sanskrit. Karya-karya kesusasteraan India seperti Jataka (cerita-cerita kelahiran Buddha) Pancatantra, Kathasarittasagara dan lain-lain dibawa ke Asia Barat dan diterjemahkan ke dalam bahasa Parsi dan Arab kira-kira di abad ke-11. Di samping itu karya-karya yang bersumber India itu telah diberi identiti keislaman. Apabila peradaban Islam memasuki Nusantara karya-karya, saduran India itu juga dibawa bersama dan mengalir masuk dalam kesusasteraan Melayu.⁴²

KESIMPULAN

Dari huraian di atas memperlihatkan tentang proses perkembangan kesusasteraan saduran India di Nusantara. Kesusasteraan pengaruh India ternyata banyak sekali mempengaruhi kesusasteraan Jawa Kuno. Hal ini berlaku kerana pusat-pusat kebudayaan Hindu di Nusantara kebanyakannya tertumpu di Pulau Jawa. Sementelahan ajaran agama Hindu itu menitikberatkan penyebarannya melalui cerita-cerita seperti Ramayana dan Mahabharata. Dengan yang demikian ianya mendorong kelahiran seni sastera yang bertemakan unsur-unsur kepercayaan agama Hindu dalam Bahasa Jawa Kuno, apatah lagi bahasa Jawa Kuno mendapat kedudukan yang baik dalam kerajaan Hindu-Jawa.

Sesungguhnya pengaruh Hindu kepada kesusasteraan Melayu dalam zaman Hindu tidak jelas, cuma dapat diakui dalam bentuk kata-kata dan penggunaan abjad Sanskrit seperti terdapat pada batu-batu bersurat di Kedukan Bukit, Minye Tuju dan lain-lain yang merupakan warisan dari zaman Hindu. Dengan yang demikian penulisan-penulis Sejarah Kesusasteraan Melayu Lama yang membuat pembahagian zaman dalam Sejarah Kesusasteraan Melayu Lama seperti zaman Sebelum Mengenal Huruf, Zaman Hindu dan Zaman Islam agak mengelirukan. Pembahagian seperti yang tersebut menunjukkan bahawa kesusasteraan Melayu pengaruh India sudah disalin atau disadurkan ke dalam bahasa Melayu dalam zaman Hindu, sedang kesusasteraan pengaruh India itu jelas dibawa masuk dalam kesusasteraan Melayu dalam zaman Islam dengan mengguna abjad dari al-Qur'an, iaitu tulisan Jawi.

NOTA

- 1/ Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, K. Lumpur: Pustaka Ilmu, 1966, hal. 179-180; lihat juga K.S. Sandhu, *Early Malaysia*, Singapore: University Education Press, 1973, hal. 26.
- 2/ G. Coedes, *The Indianised States of Southeast Asia*, K. Lumpur, University of Malaya Press, hal. 50.
- 3/ D.G.E. Hall, *A History of Southeast Asia*, London: MacMillan EC 1961, hal. 34.
- 4/ Loc cit.
- 5/ G. Coedes, *op. cit* hal. 39.
- 6/ Aziz Deraman, *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*, K. Lumpur: Kementerian Kebudayaan Malaysia, 1975 hal. 43-44.
- 7/ R.O. Winstedt, 'Indian Influence In Malay World', *JRAS*, 1944, hal. F86.
- 8/ Syed M.N. al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu K. Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia* 1972, hal. 12.
- 9/ S. Wojowasito, *Sejarah Kebudayaan Indonesia I*, Jogjakarta: Kalimosodo, 1957, hal. 76-77.
- 10/ Umar Junus, *Sejarah Perkembangan Ke arah Bahasa Indonesia dan Bahasa Malaysia*, Jakarta: Bhratara, 1969, hal. 28.
- 11/ H.B. Sarkar, *Some Contributions of India to the Ancient Civilization of Indonesia and Malaysia*, Calcutta: Punthi Pustak, 1970, hal. 82-83.
- 12/ Hasil kesusasteraan Jawa kuno telah dibawa lari bersama-sama mereka oleh penganut agama Hindu Buddha apabila mereka berlindung di Pulau Bali untuk mempertahankan diri dari serangan kerajaan-kerajaan Islam.
- 13/ R. Soekmono, *Pengantar Sejarah Kebudayaan Indonesia II*, Jakarta: Yayasan Kanisius, 1973, hal. 105.
- 14/ *Ibid.* hal. 10.
- 15/ *Ibid.*
- 16/ Kitab suci agama Hindu dipanggil Veda, tetapi Veda dikenal oleh penganut Hindu.
- 17/ H.B. Sarkar, *op. cit.* hal. 83.
- 18/ Kitab ini ditemui naskah tulisannya di Pulau Jawa. Ia dianggar tertulis dalam abad ke-10 atau ke-11. Tulisannya dalam bahasa Jawa kuno yang bercampur dengan kata-kata Sanskrit.
- 19/ H.B. Sarkar, *op. cit.* hal. 86-87; lihat juga R.M. Ng Poerbatjaraka dan T. Hadidjaja, *Keputakaan Jawa*, Djakarta: Jambatan, 1952, hal. 7, 8.
- 20/ Moksha ialah suatu destini dalam agama Hindu, iaitu pencapaian kehidupan yang sempurna, bahagia dan abadi dan penyatuan dengan Brahman yang bersamaan dengan konsep Nirvana dalam agama Buddha.
- 21/ Buku ini dibuat edisi oleh J. Kats dan diterbitkan pada tahun 1910.
- 22/ S. Wojowasito, *op. cit.*, hal. 81-94; lihat juga R.M. Ng Poerbatjaraka dan T. Hadidjaja, *op. cit.* hal. 5.
- 23/ *Ibid.*, hal. 106-107.
- 24/ Bharatayuddha telah dibuat edisi oleh R.M. Sutjipto Wirjosuparto dan diterbitkan oleh Penerbit Bhratara, 1968.
- 25/ Soekmono, *op. cit.*, hal. 115-120.
- 26/ B.R. Chatterji, *History of Indonesia, Early and Medieval*, New Delhi: Meenakshi Prakashan, 1967, hal. 72-93.
- 27/ R.M. Ng. Poerbatjaraka dan T. Hadidjaja, *op. cit.*, hal. 197-198.
- 28/ S. Wojowasito, *op. cit.*, hal. 95-96.
- 30/ A. Samad Ahmad, *Sejarah Kesusasteraan Melayu I*. K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974, hal. 21-22.
- 31/ C.A. Mees, *Tatabahasa dan Tatakalamat*, K. Lumpur: University of Malaya Press, 1969, hal. 1.
- 32/ Umar Junus, *op. cit.*, hal. 28.
- 33/ *Ibid.*
- 34/ Jaspán seorang orientalis yang berminat terhadap kebudayaan Melayu telah membuat kajian beberapa teks kesusasteraan Melayu lama yang menggunakan abjad Rejang Ka-Ga-Nga di Sumatera Selatan. Dari bukti-bukti yang dikemukakan oleh beliau memperlihatkan tentang adanya percubaan untuk menulis kesusasteraan Melayu dalam bentuk tulisan sebelum zaman Islam; lihat M.A. Jaspán, *Folk Literature South Sumatera: Redjang Ka-Ga-Nga Text*, Canberra: Australian National University.

- 35/ Zubir, *Kesusasteraan Lama Indonesia*, Djakarta: Penerbit P.T. Gunung Agung, 1963, hal. 11.
- 36/ S.M. Naguib al-Attas, *op. cit.* hal. 36-40.
- 37/ Soewito Santoso, 'The Islamization of Indonesian/Malay Literature in its Early Period', *JOSA* vol. viii no. 1/2 Dec. 1971, hal. 20-21.
- 38/ A. Samad Ahmad, 'Serba Sedikit Mengenai Ramayana', *Dewan Bahasa* Jld. iii. Bi. 9 September, 1959, hal. 451-452.
- 39/ S. Wojowasito, *op. cit.* hal. 79.
- 40/ *Ibid.*, hal. 122.
- 41/ Hadith Nabi menyentuh tentang penggalakan menuntut ilmu berbunyi 'Ilmu pengetahuan itu barang yang hilang dari orang yang beriman carilah di mana ia berada'. Sebuah lagi hadith, 'Tuntutlah ilmu walaupun sampai ke Negeri China'. Terdapat ahli-ahli agama yang jumud fahamannya mentafsir ilmu itu hanya ilmu agama sahaja. Tapi apakah akan dapat dipelajari oleh orang Islam di negeri China dan di tempat yang lain, kecuali ilmu-ilmu yang lain daripada bidang agama Islam.
- 42/ Soewito Santoso, *op. cit.* hal. 15.